

# Majulah Singapura

## Orang Melayu Singapura

UMNO Singapura telah berpisah dengan UMNO Malaya.

Dalam pada itu UMNO Singapura akan menjadi hanya sebuah badan yang bergabung dengan UMNO Malaya seperti pertubuhan "SABERKAS" Kedah.

Mengenai perpisahan ini, Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menegaskan, bahawa kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak akan melupakan nasib orang Melayu Singapura, bahkan mereka sentiasa terletak dalam perhatian dan timbangan yang teliti.

Telah terbit!!!

"Tafsir Al-Qur'an Surah al-Baqarah" penggal pertama, ukuran 7 x 5 inci, tebalnya 192 muka, teknik menakjubkan. Berguna bagi bacaan tambahan bahagian agama di sekolah-sekolah menengah. Pernah diceramahkan menerusi Radio Singapura. yang diminati oleh semua peringkat.



Susunan: Ahmad Sunhaji Muhammad  
Guru Madrasah Aljunied Al-Islamiah, Singapura.  
Kata-kata sambutan telah diberikan oleh:  
Ketua bahagian Melayu Radio Singapura, Tuan Syed Abdullah Bilfaqih Mudir Madrasah Aljunied Al-Islamiah dan Tuan Pendeta Dr. Zainal Abidin bin Ahmad Al-Haj.

Senaskah \$ 2.50 pos 30 sen.

Pesanlah kepada pembahagiannya:

ALMAKTAB ATTIJARI ASHHARGI

40, Kandahar Street, P. O. Box 2205,

Telephone No. 25644,

Singapore, 7.

## Rakyat Singapura Makin Bertambah

Menurut banci yang akhir sekali (Disember 1959)

yang telah dikeluarkan oleh Ketua Pengawai Pembanci Singapura, bahawa penduduk Singapura berjumlah 1, 611, 900 orang. Pecahannya menurut masing-masing bangsa ialah seperti berikut:

Cina: 1, 213, 600. *Malaysian*: 222, 800

India dan Pakistan: 137, 300. Serani:

12, 200. Eropah dan lain-lain: 26, 000.

## Majlis Islam Penasihat Kerajaan

Tuan yang Terutama Yang di-Pertuan Negara

Singapura telah melantik anggota-anggota Majlis Islam Penasihat Kerajaan yang baharu, yang akan berkhidmat selama setahun. Mulai dari 1 haribulan Januari 1960 yang lalu. Nama-nama mereka telah diisytiharkan dalam surat siaran kerajaan pada 14 April yang lalu seperti berikut:

Dato' Syed Ibrahim bin Omar Al-Sagoff

(Yang di-Pertua), A. Ahmad bin Muhammad Ibrahim (Naib

Yang di-Pertua), Tuan Haji Sanusi bin Mahmud,

Tuan Syed Ali Redha Al-Sagoff, A. Ahmad Sunhaji

Muhammad, Tuan Haji Ali bin Haji Muhammad Said

Soleh, Tuan Haji A. Muhammad Husin, Tuan

Haji Mahfuz bin Dahlan, A. Daud bin Ali,

A. Abdu Manaf Salam, Tuan Haji Abdul Rashid bin

Haji Muhammad Said, A. Yaakub bin Muhammad, Tuan

Haji M. J. Namazi, Tuan Syeikh Abdullah

Basmeh, A. Sentul bin Muhammad Ali, Tuan Syed

Abdullah bin Syeikh Bilfaqih dan Tuan Haji Muhammad

Khan bin Khan Muhammad.

Setiausaha yang Kehormat ialah Tuan Haji

Jamil bin Haji Zafar.